



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**PELANCARAN CAFÉ UNITI KELUARGA MALAYSIA DAN SERAHAN
KOTAK BANTUAN #RTCARES SEMASA PROGRAM JELAJAH
PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA**

15 Oktober 2021, Ipoh, Perak – Misi ke arah memperkasakan perpaduan kaum di kalangan masyarakat Malaysia diteruskan dengan pelbagai program menarik oleh Kementerian Perpaduan Negara. Menteri, Datuk Halimah Mohamed Sadique, hari ini telah melancarkan Café Uniti Citarasa Keluarga Malaysia dalam program jelajah Perpaduan Keluarga Malaysia ke negeri Perak, Darul Ridzuan. Restoran Shake and Bake di Bandaraya Ipoh dipilih untuk menerima pengiktirafan sebagai Café Uniti yang pertama di negeri itu, dalam kunjungan Menteri Perpaduan Negara ke negeri tersebut. Pemilihan Restoren Shake and Bake adalah berdasarkan keunikan dalam penyajian menu pelbagai citarasa, sehingga mampu menarik kunjungan pelanggan daripada berbilang kaum dan agama.

2. Café Uniti Citarasa Keluarga Malaysia adalah antara usaha Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi meraikan pengusaha-pengusaha restoran yang turut bersatu hati dalam mendukung aspirasi perpaduan dengan membudayakan amalan ‘mencungkil persamaan dan tidak menggalikan perbezaan.’ Ia mempunyai interpretasi yang sangat indah jika dikupas dari sudut perpaduan dalam khalayak masyarakat majmuk di Malaysia. Justeru, menjadi misi penting Kementerian Perpaduan Negara untuk terus mempromosikan usaha-usaha yang mendukung aspirasi pengukuhan ikatan kekeluargaan Keluarga Malaysia sekaligus membina lebih banyak tapak integrasi perpaduan.

3. Datuk Halimah meletakkan plak khas Café Uniti sebagai simbolik sokongan dan penghargaan dalam menggalakkan perpaduan dalam kepelbagaian. Ini seterusnya memberi pengiktirafan yang tinggi kepada lokasi berkenaan, dalam usaha mereka sama-sama membantu kerajaan khususnya Kementerian Perpaduan Negara memperkukuhkan jati diri sesama Keluarga Malaysia.

4. “Café Uniti Citarasa Keluarga Malaysia ini diharapkan mampu menjadi agen penggerak kepada perpaduan negara dan sekaligus mampu menjadi tapak integrasi perpaduan. Dalam usaha kita bagi mencapai aspirasi Keluarga Malaysia, menjadi harapan kerajaan untuk semua pihak memainkan peranan masing-masing, termasuklah pemilik-pemilik restoran di seluruh negara,” ujar Datuk Halimah yang turut meluangkan masa bersama-sama dengan orang ramai pelbagai kaum menjamah hidangan menarik bersama-sama. Beliau turut meluangkan masa mendengar sendiri harapan dan idea-idea rakyat Malaysia terhadap pelan perpaduan Keluarga Malaysia.

5. Dalam program Jelajah Perpaduan Keluarga Malaysia ini, YB Menteri turut meluangkan masa mendekati masyarakat melalui pelbagai program menarik yang telah disusun oleh KPN dan agensinya. Antaranya program Perpaduan Komuniti RT Cares dan Program Perpaduan Komuniti KRT: Kebun Komuniti KRT Taman Desa Jana, Taiping. Ini diikuti dengan sesi lawatan ke lokasi cadangan Komuniti Mediation Centre (CMC), Sesi Ramah Mesra Bersama Friends of Unity, Program Aspirasi Perpaduan Keluarga Malaysia Bersama Pemimpin Kelab Rukun Tetangga dan banyak lagi program menarik bersama masyarakat berbilang kaum.

6. Mahukan café atau restoran kegemaran anda sebagai penerima pengiktirafan Café Uniti Citarasa Keluarga Malaysia? Kementerian Perpaduan Negara mengalu-alukan idea dan sokongan anggota masyarakat untuk membuat cadangan. Lawati Facebook @Kementerian Perpaduan Negara dan dapatkan info mengenai Café Uniti Citarasa Keluarga Malaysia di situ.

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041/ Fax: +603 8888 8568 /569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (92)